

Konsep kartun editorial melalui karya George Chin

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menghuraikan konsep kartun dan menganalisis fungsi kartun editorial dalam membincangkan isu semasa melalui kartun karya George Chin. Pendekatan melalui teori Metafora Visual digunakan dalam menghuraikan konsep kartun editorial. Maklumat berkaitan dengan kartun-kartunnya didapati melalui pengumpulan data dari Arkib Negeri Sabah. Skop kajian dihadkan kepada 55 buah kartun editorial, iaitu dapatan kartun editorial pada tahun 1966 hingga 1967. Hasil kajian ini mendapati bahawa konsep kartun editorial mempunyai perlambangan yang berfungsi untuk memberi gambaran atau kritikan tentang isu sosial dan politik semasa seperti seperti yang dilakukan oleh George Chin melalui karya kartunnya.